

**LANSARAN ETNIK MURUT TAHOL: ANALISIS
ASPEK PERMAINAN TRADISIONAL,
PERSEMBAHAN RITUAL DAN SEKULAR**



TOH MIN MIN

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2020**

**LANSARAN ETNIK MURUT TAHOL: ANALISIS
ASPEK PERMAINAN TRADISIONAL,
PERSEMBAHAN RITUAL DAN SEKULAR**

TOH MIN MIN



**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA
SASTERA**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2020

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : **LANSARAN ETNIK MURUT TAHOL: ANALISIS ASPEK ANTARA PERMAINAN TRADISIONAL, PERSEMBAHAN RITUAL DAN SEKULAR**

IJAZAH : **SARJANA SASTERA**

BIDANG : **SENI KREATIF**

Saya **TOH MIN MIN** sesi **2015-2020** mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/):

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh,

TOH MIN MIN
MA1511087T

(Tandatangan Perpustakawan)

Tarikh : 9 Jun 2020

(Prof. Dr. Low Kok On)
Penyelia

PENGAKUAN

Tulisan ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang satu-satunya telah saya nyatakan sumbernya.

6 Jun 2020

Toh Min Min
MA1511089T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **TOH MIN MIN**
NO. MATRIK : **MA1511089T**
TAJUK : **LANSARAN ETNIK MURUT TAHOL: ANALISIS ASPEK
ANTARA PERMAINAN TRADISIONAL, PERSEMBAHAN
RITUAL DAN SEKULAR**
IJAZAH : **SARJANA SASTERA**
BIDANG : **SENI KREATIF**
TARIKH VIVA : **08 JANUARI 2020**



DISAHKAN OLEH;

UMS
Tandatangan
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu, syukur dan puji kepada Tuhan yang memberkati usaha pengkaji dalam proses membuat kajian dan menyiapkan tesis ini. Setinggi-tinggi penghargaan diberikan kepada penyelia saya, iaitu Profesor Dr. Low Kok On kerana telah banyak membimbing, mendidik dan memberikan nasihat kepada pengkaji sepanjang penyelidikan ini dijalankan.

Pengkaji juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua informan yang telah memberikan kerjasama yang baik sepanjang kajian lapangan dijalankan. Seterusnya, pengkaji ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Cik Normadiah Nassir, Cik Jesilda bin Jesilda, Encik Sharif Nizam, Encik Mohammad Hamizan, Cik Mirna binti Matiri dan rakan-rakan lain yang telah banyak membantu pengkaji sepanjang masa pengkaji menjalankan kerja lapangan.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih ditujukan kepada Pusat Penyelidikan dan Inovasi, UMS yang menawarkan gerant GUG0024-SSI-M-1/2016 untuk membantu pengkaji menjalankan kerja lapangan. Selain itu, pengkaji juga ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Kementerian Pendidikan menawarkan biasasiswa MyBrain yang telah menanggung pembayawan yuran pengkaji. Akhir sekali, kepada ibu dan bapa tersayang, jutaan terima kasih diucapkan kerana kalian banyak memberi sokongan dan menjadi tunjang semangat pengkaji sehingga pengkaji menyiapkan tesis ini.

Sekian, terima kasih.

Toh Min Min

12 Januari 2020

ABSTRAK

Lansaran ialah salah satu persembahan tradisional etnik Murut Tahol, yang tinggal di pedalaman Sabah. Kajian ini memberikan tumpuan terhadap Lansaran sebagai permainan tradisional, persembahan ritual dan sebagai tarian olahan pada masa ini. Selain itu, persoalan sama ada Lansaran ialah sejenis tarian atau permainan tradisional turut dijadikan fokus kajian ini. Bagi mengumpul data kajian, pengkaji telah menjalankan kerja lapangan di Daerah Kota Kinabalu, Daerah Tenom dan Daerah Nabawan. Analisis yang dilakukan dalam kajian ini adalah berasaskan interpretasi terhadap hasil temu bual bersama koreografer tarian tradisional Sabah dan informan Murut di tempat kajian. Hasil analisis mendapati persembahan Lansaran pada asalnya ialah sejenis permainan tradisional, dan pada hari-hari terkemudian dijadikan sebahagian daripada ritual *Kukui*, yang berkait rapat dengan budaya mengayau etnik Murut Tahol. Pada masa ini, Lansaran telah diolah sebagai sebuah tarian olahan yang dipertandingkan. Berdasarkan analisis perbandingan terhadap ciri-ciri permainan tradisional dan ciri-ciri tarian pula, kajian ini mendapati Lansaran olahan ialah sejenis tarian. Secara keseluruhannya, kajian ini telah menonjolkan Lansaran sebagai sejenis permainan tradisional, persembahan ritual mengayau serta diolah menjadi sejenis tarian sekular pada masa ini.




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

LANSARAN TAHOL MURUT ETHNIC: ANALYZING THE ASPECTS OF TRADITIONAL GAME, RITUAL AND SECULAR PERFORMANCE

Lansaran is one of the traditional performances of the Tahol Murut ethnic, living in the interior of Sabah. This paper focuses on Lansaran as a traditional game, and the aspects of ritual and secular performance. Besides, the question of whether Lansaran is a traditional games or dance will be the focus of this study too. In order to gather data, field trips have been conducted in Kota Kinabalu, Tenom and Nabawan districts. The analysis in this study is based on the interpretation on the data collected from interviews with the Sabah traditional dance choreographer and the Tahol Murut informants in the research site. The study found that originally, the Lansaran was a type of traditional game and later was performed in the Kukui ritual, which is related to the head-hunting culture of the Tahol Murut. Nowadays, Lansaran has been modified to become a dance to be competed in a dance competition. Based on the comparative analysis of the characteristic of a game, and the characteristic of a dance, the study found that the modified Lansaran is a dance indeed. On the whole, the study has highlighted that originally, Lansaran was a type of traditional game and also being performed in the head-hunting ritual. Nowadays, it has been modified to become a secular dance.



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI GAMBAR	xii
SENARAI PETA	xiv
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Permasalahan Kajian	3
1.3 Soalan Kajian	4
1.4 Objektif Kajian	5
1.5 Metodologi dan Kaedah Kajian	5
1.5.1 Kaedah Kajian	6
1.5.1.1 Kaedah Temu Bual	6
1.5.1.2 Kaedah Pemerhatian	6
1.5.1.3 Fotografi dan Rakaman Video	7
1.5.2 Kaedah Analisis Data	8
1.6 Lokasi Kajian	10
1.6 Etnik Murut: Satu Pengenalan	12
1.7 Lansaran: Satu Pengenalan	16
1.8 Kepentingan Kajian	20

1.9	Limitasi Kajian	20
1.10	Penutup	21

BAB 2: SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	22
2.2	Kepercayaan dan Kebudayaan Tradisional Etnik Murut	24
2.3	Budaya Mengayau	29
2.4	Ritual	33
2.5	Permainan	35
2.6	Tarian Tradisional	39
2.7	Tarian Tradisional di Sabah	40
2.8	Tarian Tradisional Etnik Murut	58
2.9	Dapatan Sorotan Literatur	63

BAB 3: METODOLOGI KERJA LAPANGAN DAN KAEDAH ANALISIS

3.1	Pengenalan	65
3.2	Latar Belakang Etnik Murut di Tempat Kajian	66
3.3	Kerja Lapangan Mengumpul Data	71
3.3.1	Tahap Mengenal Pasti Tempat Kajian dan Informan	73
3.3.2	Tahap Temu Bual	78
3.3.2.1	Temu Bual Secara Mendalam	84
3.3.2.2	Temu Bual Secara Kumpulan	89
3.3.2.3	Temu Bual Melalui Telefon dan Laman Sosial	90
3.3.3	Pemerhatian Secara Langsung	91
3.4	Tahap Mendokumentasi	94
3.5	Data Primer	94
3.6	Data Sekunder	95
3.7	Hasil Kerja Lapangan	96
3.8	Penutup	99

**BAB 4: LANSARAN ETNIK MURUT TAHOL: ANALISIS ASPEK
PERMAINAN RAKYAT, PERSEMBAHAN RITUAL DAN
TARIAN TRADISIONAL**

4.1	Pengenalan	101
4.2	Permainan Tradisional dalam Masyarakat Murut	104
4.3	Lansaran sebagai Permainan Tradisional	106
4.4	Budaya Ritual Etnik Murut	107
4.5	Signifikasikan Budaya Mengayau dan Ritual dalam Lansaran	109
4.6	Perubahan Lansaran daripada Permainan Tradisional ke Ritual <i>Kukui</i> dan Persembahan Pentas Masa Kini	123
4.7	Adakah Lansaran ialah Permainan Tradisional atau Tarian?	138
4.8	Kesimpulan	148

BAB 5: PENUTUP

5.1	Pengenalan	150
5.2	Kesimpulan Kajian	150
5.3	Implikasi Kajian	152
5.4	Cadangan Kajian	153
5.5	Penutup	154

RUJUKAN	156
----------------	-----

LAMPIRAN	168
-----------------	-----

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 2.1 : Tarian-tarian tradisional di Sabah dan Sarawak (Sumber: Asmad, 1990)	46
Jadual 2.2 : Tarian-tarian tradisional di Sabah dan Sarawak (Sumber: Samsudin, 2011)	46
Jadual 3.1 : Tempat kajian di Daerah Kota Kinabalu	74
Jadual 3.2 : Tempat kajian di Daerah Tenom	75
Jadual 3.3 : Tempat kajian di Daerah Nabawan	77
Jadual 3.4 : Senarai informan di Daerah Kota Kinabalu	82
Jadual 3.5 : Senarai informan di Daerah Tenom	83
Jadual 3.6 : Senarai informan di Daerah Nabawan	84
Jadual 3.7 : Teks Verbatim 1	96
Jadual 3.8 : Transkripsi Lirik Lagu <i>Timpuun</i> (Nasip Ampiu, Informan)	99
Jadual 4.1 : Puisi upacara <i>Kukui</i> 1 (Sumber: Nasib Ampiu, Informan)	114
Jadual 4.2 : Puisi upacara <i>Kukui</i> 2 (Sumber: Rutter, 1929)	116
Jadual 4.3 : Transkripsi Lirik Lagu 1 <i>Lilingkut</i> (Nasip Ampiu, Informan)	126
Jadual 4.4 : Transkripsi Lirik Lagu 2, <i>Ahilalangkut</i> (Angandon Antahai, Informan)	127
Jadual 4.5 : Lansaran zaman dahulu (masa tidak diketahui)	140
Jadual 4.6 : Lansaran dalam Ritual <i>Kukui</i> (zaman mengayau sebelum akhir kurun ke-19)	140
Jadual 4.7 : Lansaran olahan (2017)	141

Jadual 4.8	: Ciri-ciri Tarian pada ketiga-tiga peringkat Lansaran	143
Jadual 4.9	: Lansaran asal (masa tidak diketahui)	144
Jadual 4.10	: Lansaran dalam Ritual <i>Kukui</i> (zaman mengayau sebelum akhir kurun ke-19)	144
Jadual 4.11	: Lansaran olahan (2017)	145
Jadual 4.12	: Ciri-ciri Permainan pada ketiga-tiga peringkat Lansaran	145
Jadual 4.13	: Semakan ciri-ciri Tarian Tradisional bagi Lansaran	146
Jadual 4.14	: Semakan ciri-ciri Permainan Tradisional bagi Lansaran asal	147



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI GAMBAR

	Halaman
Gambar 1.1 : <i>Singkowoton</i> (Burung enggang yang diperbuat daripada kayu). (Gambar diambil oleh pengkaji di rumah tradisional Murut, Kadazan Dusun Cultural Association, Kota Kinabalu, 30 Mei 2016)	18
Gambar 1.2 : <i>Singkowoton</i> (Tengkorak manusia yang digantung atas <i>lansaran</i>) (Sumber: https://tallgalstravels.files.wordpress.com) , 4 Mac 2019	18
Gambar 1.3 : Pentas <i>lansaran</i> yang berada di tengah rumah panjang. (Gambar diambil oleh pengkaji di Pusat Kebudayaan Murut, Tenom, Sabah, 17 Februari 2017)	19
Gambar 1.4 : Tiga lapisan pentas <i>lansaran</i> Lapisan 1: Bahagian bawah (Batang kayu) Lapisan 2: Bahagian tengah (Batang kayu) Lapisan 3: Bahagian atas (Papan) (Gambar diambil oleh pengkaji di rumah tradisional Murut, Muzium Negeri Sabah, Kota Kinabalu, 21 April 2017)	19
Gambar 4.1 : Persembahan <i>lansaran</i> sebagai permainan tradisional (Sumber: https://www.flickr.com/photos/) 22 Julai 2016	113
Gambar 4.2 : Persembahan <i>lansaran</i> sebagai tarian ritual. (Sumber: www.sabah.edu.my/) 22 Julai 2016	113
Gambar 4.3 : Persembahan <i>Lansaran</i> masa kini oleh penduduk Kampung Tolokoson tanpa pentas <i>Lansaran</i> . (Koleksi pengkaji, 19 Mac 2017)	129
Gambar 4.4 : Persembahan tarian kreatif dengan elemen <i>Lansaran</i> . (Koleksi pengkaji, 28 September 2017)	130
Gambar 4.5 : Pergerakan tangan penari perempuan (Koleksi Pengkaji, 28 September 2017)	130

Gambar 4.6	: Pergerakan penari lelaki (Koleksi pengkaji, 28 September 2017)	131
Gambar 4.7	: Tatarias dan kostum penari perempuan dan penari lelaki. (Koleksi pengkaji, 28 September 2017)	132
Gambar 4.8	: Tahap penari lelaki dan penari perempuan yang berbeza. (Koleksi pengkaji, 28 September 2017)	133
Gambar 4.9	: Kostum tradisional Lelaki etnik Murut Tahol zaman dahulu. (Koleksi pengkaji, 30 Mei 2016)	136
Gambar 4.10	: Kostum tradisional Lelaki etnik Murut Tahol zaman sekarang. (Koleksi pengkaji, 19 Mac 2017)	136
Gambar 4.11	: Kostum tradisional perempuan etnik Murut Tahol zaman dahulu. (Koleksi pengkaji, 19 Mac 2017)	137
Gambar 4.12	: Kostum tradisional perempuan etnik Murut Tahol zaman sekarang. (Koleksi pengkaji, 30 Mei 2016)	137
Gambar 4.13	: Kostum tradisional harian perempuan etnik Murut Tahol. (Koleksi pengkaji, 17 Februari 2017)	137



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI PETA


	Halaman
Peta 1.1 : Peta Sabah (Daerah Kota Kinabalu, Daerah Tenom dan Daerah Nabawan)	11
Peta 1.2 : Peta Kampung-kampung kecil di Daerah Tenom dan Daerah Nabawan	12



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 3.1 : Tahap- tahap kerja lapangan mengumpul data kajian	72
Rajah 4.1 : Dua batang alu diikat di salah satu hujung (atas) dan dua batang alu yang tidak diikat di hujungnya (bawah). (Sumber: Ismail Abbas dan Shaong, 1984)	105
Rajah 4.2 : Pola lantai Lansaran sebagai permainan rakyat dalam pertandingan	107
Rajah 4.3 : Pola lantai penari perempuan.	133
Rajah 4.4 : Pola lantai penari lelaki.	133
Rajah 4.5 : Pola lantai penari perempuan dan penari lelaki menari berpasangan.	134
Rajah 4.6 : Pola lantai penari lelaki dan penari perempuan membentuk bulatan, mengelilingi dua orang penari perempuan yang berada di pentas <i>lansaran</i> kecil.	134



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A : Teks verbatim temu bual 1	168
Lampiran B : Lagu Puisi	204
Lampiran C : Gambar	208



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Sabah ialah sebuah negeri yang didiami pelbagai etnik peribumi seperti etnik Kadazan, Dusun, Bajau, Murut dan banyak lagi etnik lain. Setiap etnik peribumi di negeri ini mempunyai tarian tradisional masing-masing. Etnik Kadazan di Daerah Penampang terkenal dengan tarian Sumazau; etnik Dusun Lotud di Daerah Tuaran terkenal dengan tarian Sumayau; etnik Rungus di Daerah Kudat terkenal dengan tarian Mengigol-Sumundai; etnik Bajau terkenal dengan tarian Limbai, Kuda Pasu dan Berunsai dan banyak lagi tarian tradisional kepunyaan etnik lain.

Pelbagai sub etnik Murut di pedalaman Sabah pula seperti etnik Murut Tahol, Murut Paluan, Murut Timugon, Murut Bookan dan banyak lagi memiliki beberapa jenis persembahan dan tarian tradisional yang diwarisi secara turun-temurun. Antara persembahan dan tarian tradisional etnik Murut yang terkenal ialah Anggalang, Magunatip dan Lansaran. Daripada ketiga-tiga jenis tarian tradisional ini, tarian Magunatiplah yang paling popular. Hal ini disebabkan tarian ini selalu dipersembahkan di majlis-majlis keramaian dan dipertandingkan dari semasa ke semasa sehingga ke hari ini. Tarian Anggalang pula diselitkan dalam bahagian awal persembahan tarian Magunatip. Dengan kata lain, setiap kali persembahan Magunatip dipersembahkan, maka tarian Anggalang juga akan dipersembahkan. Berbandingan dengan tarian

Magunatip dan Anggalang, Lansaran jarang-jarang dipersembahkan di luar dari Melampoi, pedalaman Sabah. Tarian ini hanya dipersembahkan ketika Pesta Kalimantan, iaitu perayaan selepas musim menuai padi yang diraikan di Daerah Tenom pada awal bulan Mei setiap tahun.

Bahan kajian ini ialah persembahan Lansaran. Dalam tinjauan awal yang telah pengkaji lakukan antara 16 Januari hingga 22 Januari 2016 di Kampung Nabawan dan antara 30 Mei hingga 31 Mei 2016 di Dewan Hongkod Kosoyan (Penampang) semasa Pesta Kaamatan peringkat negeri Sabah berlangsung, Encik Nasip (informan Murut Tahol, 61 tahun) dan beberapa informan lain memberitahu bahawa pada zaman dahulu, Lansaran dipersembahkan untuk menyambut tetamu kehormat seperti Ketua Menteri Sabah, menteri-menteri dan tetamu kehormat lain. Namun pada masa sekarang, tarian Magunatip dan tarian Anggalang dijadikan pilihan sebagai tarian menyambut tetamu. Hal ini disebabkan persembahan Lansaran hanya dapat dipersembahkan di dalam rumah panjang dengan lantai khas yang diperbuat daripada papan, kayu dan bambu.

Jika diteliti, persembahan Lansaran mempunyai ciri-ciri dan keunikannya yang tersendiri berbanding dengan persembahan dan tarian tradisional lain. Persembahan Lansaran memerlukan tempat khas yang dibina di tengah-tengah *serambi* rumah panjang etnik Murut Tahol. Tempat khas ini dinamakan oleh pihak Kadazan Dusun *Cultural Assosiation* sebagai *demoLansaran*. Lansaran tidak ditemui dalam persembahan atau tarian tradisional etnik peribumi di Sabah yang lain. Penjelasan lanjut tentang Lansaran akan diberikan di bawah subtajuk "Lansaran: Satu Pengenalan" kelak.

Persembahan Lansaran juga kelihatan menarik. Peserta akan mengengjut-engjut bersama dalam tempo yang sama di pentas khas Lansaran. Pada suatu ketika, terdapat seorang peserta lelaki yang mewakili pahlawan akan melonjak di tengah-tengah pentas khas Lansaran dan cuba menyentuh *singkowoton* (simbolik tengkorak) yang tergantung di bumbung rumah panjang. Sejurus selepas itu, para peserta lain akan terus mengengjut-engjut di pentas khas Lansaran. Menurut informan, persembahan ini akan

berlanjutan dalam satu tempoh yang lama. Terdapat persembahan Lansaran yang pernah berlanjutan selama tiga hari berturut-turut! Keunikan persembahan Lansaran yang seterusnya adalah ia tidak memerlukan alat-alat muzik seperti persembahan tarian tradisional lain. Muziknya terbentuk daripada bunyian yang dihasilkan daripada lantai Lansaran yang dijenjut-kejut oleh para peserta. Semua aspek keunikan ini menyebabkan persembahan Lansaran ini menarik untuk dikaji.

1.2 Permasalahan Kajian

Dalam tinjauan awal, pengkaji mendapati bahawa persembahan Lansaran dikenali umum dalam kalangan etnik Murut di pedalaman Sabah. Hampir kesemua kampung budaya mempunyai Lansaran dalam rumah panjang Murut seperti *Mari-mari Cultural Village*, Dewan Hongkod Kosoyan, Muzium Sabah dan Pusat Kebudayaan Murut. Lansaran juga popular dalam kalangan pelancong dan persembahan ini telah dijadikan satu budaya etnik Murut. Namun, jika ditanya tentang asal usul persembahan Lansaran ini, kebanyakan etnik Murut didapati tidak tahu tentangnya. Oleh itu, ada baiknya asal usul Lansaran diteliti dalam kajian ini.

Lansaran telah dipersembahkan oleh etnik Murut Tahol sejak zaman mengayau lagi (sebelum Syarikat Berpiagam (British) Borneo Utara mentadbir Sabah pada 1880-an (Low, 2001: 4), Lansaran ialah sejenis permainan kanak-kanak yang bertujuan untuk mengisi masa lapang dan kemudian ia telah berubah menjadi sejenis persembahan ritual yang berkait rapat dengan budaya mengayau etnik Murut yang bertujuan untuk menghalau roh jahat demi kehidupan yang tenteram. Setelah pentadbiran British mengharamkan aktiviti mengayau, persembahan ritual pun turut dikurangkan dan seterusnya dihentikan. Akhirnya, persembahan ini menjadi sebuah persembahan sekular untuk menghiburkan tetamu dalam majlis keramaian. Dengan kata lain, aspek perubahan ini menjadi satu isu penting dalam kajian ini.

Terdapat informan Murut Tahol seperti Baalon Agoon (Ketua Kampung Melampoi), Andiwang bin Butor, Unduh bin Butor (Penduduk Kampung Tolokoson) dan Kutu bin Tukit (Penduduk Kampung Tatahu) dan pengkaji seperti Rutter (2007: 193) dan Ismail Abbas dan Shaong (1984: 77) mencatatkan bahawa persembahan Lansaran ini ialah sejenis tarian namun terdapat beberapa pihak seperti Suhaimi Magi (Koreografer dan Felo Penyelidik Tarian, Universiti Malaysia Sabah), Alan James (Murut Nabai, Pegawai Kebudayaan Universiti Malaysia Sabah), Nasip Ampiu (Murut Tahol, Koreografer tarian tradisional) dan pengkaji seperti Clarke (1952: 36) dan List (1963: 93) pula beranggapan bahawa Lansaran ialah sejenis permainan tradisional dan bukannya tarian. Dalam satu tinjauan yang dilakukan dalam Pesta Kaamatan (*Kotobian Tadau Do Kaamatan*) Peringkat Negeri Sabah yang diadakan pada 31 Mei 2016 di Kadazan Dusun *Cultural Assosiation* (KDCA) di Penampang, pelbagai jenis tarian tradisional Sabah telah dipersembahkan untuk tontonan umum. Antaranya seperti tarian Sumazau Penampang, Sumayau Lotud, Sazau Papar, Sumazau Kota Belud, Barasik Tenom dan banyak lagi. Namun dalam perayaan ini, Lansaran tidak dipersembahkan sebagai salah satu tarian tradisional namun satu tempat khas telah disediakan sebagai permainan Lansaran. Hal ini menunjukkan pihak penganjur menganggap Lansaran sebagai salah satu jenis permainan tradisional semata-mata. Isu sama ada Lansaran adalah permainan rakyat atau tarian tradisional menarik untuk diteliti dalam kajian ini berasaskan definisi dan ciri-ciri tarian kelak.

1.3 Soalan Kajian

Antara soalan-soalan yang berkait dengan penyelidikan ini ialah:

1. Apakah asal usul persembahan Lansaran?
2. Bagaimana persembahan Lansaran berubah daripada konteks permainan kanak-kanak kepada persembahan ritual dan seterusnya ke persembahan sekular masa kini?

3. Adakah persembahan Lansaran ini sejenis permainan tradisional atau sejenis tarian tradisional?

1.4 Objektif Kajian

Antara objektif-objektif dalam penyelidikan ini ialah:

1. Mengumpul dan mendokumentasi maklumat tentang asal usul persembahan Lansaran, daripada informan etnik Murut Tahol.
2. Menganalisis perubahan persembahan Lansaran daripada konteks permainan kanak-kanak kepada persembahan ritual dan seterusnya ke persembahan sekular masa kini.
3. Menentukan sama ada persembahan Lansaran ialah sejenis tarian atau permainan tradisional berdasarkan ciri-ciri tarian yang telah dikemukakan oleh pengkaji tarian.

1.5 Metodologi dan Kaedah Kajian

Kajian ini berasaskan kajian lapangan merakam maklumat daripada pemberi maklumat keturunan Murut Tahol di Pedalaman Sabah. Giurchescu dan Torp (1991:3) semasa membincangkan teori dan kaedah dalam penyelidikan tarian mencatatkan bahawa kerja lapangan masih merupakan kaedah utama yang digunakan oleh pengkaji tarian sehingga masa ini. Sehubungan kajian tarian tradisional di Sabah, kajian lapangan seperti ini telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji tarian seperti Ismail Abbas dan Shaong (1984) yang mengkaji pelbagai tarian tradisional di Sabah; Sri Ningsih (2012) yang mengkaji tarian Sumazau etnik Kadazan; Tang Sook Kuan (2013) yang mengkaji tarian Sumayau etnik Lotud dan Victor Pagayan (2014) yang mengkaji tarian Pinakang etnik Kimaragang. Dalam konteks kajian ini, pengkaji turut menjalankan kerja lapangan di Nabawan dan

Tenom. Kajian lapangan ini merangkumi beberapa peringkat yang dilaporkan di Bab 3 secara terperinci nanti.

1.5.1 Kaedah Kajian

Kaedah kajian dapat dibahagi kepada beberapa jenis. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan tiga jenis kaedah kajian iaitu kaedah temu bual, kaedah pemerhatian dan kaedah fotografi serta rakaman video. Kaedah kajian digunakan bagi tujuan mengumpul maklumat sepanjang masa kerja lapangan dijalankan. Berikut diberikan penjelasan ringkas terhadap kaedah-kaedah kajian yang digunakan. Penjelasan secara terperinci terhadap kaedah-kaedah kajian yang digunakan akan dibincang di Bab 3 nanti.

1.5.1.1 Kaedah Temu Bual

Terdapat dua jenis kaedah temu bual digunakan dalam kerja lapangan, iaitu temu bual secara individu (*In-depth interviews*) dan temu bual secara kumpulan (*Focus group interviews*). Somekh dan Lewin (2011:62) mencatatkan bahawa kaedah menemu bual digunakan dalam sesuatu kajian demi memperoleh data primer yang mempunyai nilai percaya yang tinggi. Temu bual merupakan cara yang secara langsung untuk mendapatkan maklumat daripada informan dari segi kehidupan, kepercayaan, kebudayaan dan pengalaman mereka.

1.5.1.2 Kaedah Pemerhatian

Giurchescu dan Torp (1991:3) semasa membicarakan kaedah dalam penyelidikan tarian menyatakan bahawa pemerhatian secara langsung (*direct observation*) terhadap persembahan tarian di latar yang semula jadi (*natural setting*) masih merupakan kaedah utama yang digunakan oleh kebanyakan pengkaji tarian. Dalam konteks kajian ini, pemerhatian persembahan Lansaran di tempat kajian, iaitu di Kampung Kebudayaan Murut, Tenom turut dijalankan. Hal ini disebabkan di tempat ini mempunyai sebuah